



Ulasan Ketua Pegawai Eksekutif

Tuan Haji Mohd Sabirin Mohd Sarbini

Segala puji dan syukur kita panjatkan ke hadrat Allah S.W.T atas limpah kurnia dan rahmat-Nya, LZS berjaya menutup tirai tahun 2024 dengan penuh makna sempena sambutan Jubli Mutiara 30 Tahun penubuhannya. Tahun ini bukan sahaja menandakan perjalanan tiga dekad LZS dalam mengurus dan mengagih zakat, tetapi juga menjadi detik penting yang memperkukuh komitmen kami untuk terus menyantuni ummah secara holistik dan lestari.

Tahun 2024 mencatatkan jumlah kutipan zakat sebanyak **RM1.22 bilion**, manakala

jumlah agihan pula mencecah **RM1.19 bilion**, mencerminkan kepercayaan tinggi masyarakat Islam di Selangor terhadap kecekapan dan integriti pengurusan zakat oleh LZS. Ini juga adalah pencapaian tertinggi dalam sejarah LZS, hasil kerjasama erat antara warga kerja, pengeluar zakat dan pemegang taruh.

Dari segi agihan, keutamaan diberikan kepada keperluan asas asnaf fakir, miskin dan muallaf, dengan **lebih 370,000 asnaf disantuni sepanjang tahun**.



Sepanjang tahun 2024, seramai **73,511 keluarga asnaf** fakir dan miskin serta **4,361 keluarga muallaf** telah disantuni oleh LZS. Daripada jumlah tersebut, lebih **13,000 keluarga** merupakan asnaf baharu yang telah dikenal pasti dan didaftarkan sepanjang tahun ini. Dapatan juga menunjukkan bahawa lebih 61% daripada keluarga asnaf fakir dan miskin di Selangor merupakan penduduk bandar, terutamanya yang menetap di empat daerah utama iaitu Petaling, Klang, Hulu Langat dan Gombak.



Pencapaian yang amat membanggakan turut direkodkan apabila lebih 4,000 penerima berjaya keluar daripada kategori asnaf setelah melepasi haddul kifayah, hasil intervensi berfokus melalui program pembangunan diri, keusahawanan, kerjaya dan pendidikan peringkat tinggi yang dilaksanakan oleh pihak LZS.

Sepanjang tahun 2024, dalam merayakan JM30, kami telah melaksanakan pelbagai program strategik untuk memperkenalkan pencapaian LZS kepada masyarakat serta meningkatkan kesedaran mengenai pentingnya menunaikan kewajipan zakat. Dengan tema “Jalinan Harapan, Membangun Kehidupan”, program-program yang kami jalankan tidak hanya bertujuan untuk meraikan pencapaian kami, tetapi juga untuk mempererat hubungan dengan komuniti setempat, menggalakkan partisipasi masyarakat dan memperkenalkan inovasi terkini dalam pengurusan zakat.

Antara program utama yang telah dilaksanakan termasuklah:

Karnival Zakat: Karnival ini diadakan di perkarangan Stadium Shah Alam dengan tujuan untuk mendekatkan masyarakat dengan LZS melalui aktiviti-aktiviti yang menarik seperti pendidikan, pertandingan sukan, *fun run*, Karnival Kerjaya dan pameran berkaitan zakat. Ia juga menjadi *platform* untuk menerangkan kepada orang ramai tentang manfaat zakat dan cara-cara mudah untuk menunaikan kewajipan zakat melalui pelbagai saluran.

Pameran JM30: Sebagai satu *platform* yang mempamerkan sejarah dan pencapaian LZS sepanjang 30 tahun penubuhannya, Pameran JM30 telah diadakan di Pustaka Raja Tun Uda, Shah Alam memberikan peluang kepada orang ramai untuk lebih memahami perjalanan LZS, serta inisiatif dan program yang telah dilaksanakan untuk membantu golongan asnaf sepanjang 30 tahun penubuhan LZS. Pameran ini turut mengetengahkan pencapaian dan teknologi terbaru dalam pengurusan zakat.



Forum Perdana Ehwat Islam JM30: Forum Perdana ini menampilkan panel-panel pakar dan ulama yang membincangkan isu-isu semasa mengenai zakat, kewajipan sosial, serta bagaimana zakat boleh membantu pembangunan masyarakat.



Selain daripada itu, LZS juga telah melaksanakan **kempen kesedaran digital** dan **program pendidikan zakat** di sekolah-sekolah dan universiti, dengan harapan dapat melahirkan generasi muda yang lebih cakna mengenai tanggungjawab sosial mereka sebagai sebahagian daripada masyarakat yang berkemampuan. Program-program ini juga diharap dapat menambah baik pemahaman mereka terhadap pengurusan zakat dan memperkasakan mereka untuk turut serta dalam usaha besar ini.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Kerajaan Negeri Selangor, para pengeluar zakat, serta seluruh rakyat Selangor atas sokongan padu yang diberikan. Tidak dilupakan juga penghargaan kepada barisan kakitangan LZS yang terus cekal dan berintegriti dalam menggalas amanah ini.

Insya-Allah, LZS akan terus memperkukuh sistem pengurusan zakat agar lebih telus, berimpak dan menyeluruh demi menjadikan zakat sebagai instrumen utama membina masyarakat sejahtera dan diberkati Allah SWT.

Sekian,

Wassalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Haji Mohd Sabirin Mohd Sarbini

Ketua Pegawai Eksekutif, Lembaga Zakat Selangor